

## Keunikan Dan Keistimewaan Sulaman Kebaya Nyonya

Nur Anis Zainudin  
Nur Wahida Hussain  
Mohd Zairul Masron  
Nik Azliza Nik Ariffin

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

### Abstrak

*Artikel ini bertujuan untuk mengkaji jenis-jenis sulaman yang terdapat pada kebaya nyonya serta ia merupakan pakaian yang masih dipakai sehingga ke hari ini oleh orang ramai di Malaysia terutama bagi masyarakat Nyonya. Penyelidikan dan kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti dan mengenali pembinaan ataupun rekaan bagi menghasilkan kebaya nyonya melalui reka bentuk sulaman, motif dan bahan yang digunakan yang menjadi pilihan bagi kalangan wanita peranakan. Melaka telah dipilih oleh penyelidik sebagai tumpuan utama. Pemerhatian dan medan kajian telah dijalankan melalui temuduga, rakaman audio dan sesi bergambar. Seterusnya, pemerhatian dari segi motif yang digunakan dan cara kebaya nyonya dipakai menghasilkan keunikan bagi sepasang kebaya tersebut serta merujuk kepada budaya yang diamalkan bagi kaum cina peranakan sehingga ke hari ini. Melalui kajian ini berharap dapat menyediakan rujukan asas yang berkaitan dengan keunikan yang terdapat pada kebaya nyonya selain dapat megekalkan warisan budaya kita serta menjadi ikutan kepada penggemar fesyen tanah air.*

Kata kunci: Kebaya nyonya, warisan sulaman, peranakan cina, keunikan sulaman

## Pengenalan

Kebaya nyonya merupakan pakaian yang masih dipakai oleh masyarakat Malaysia sehingga ke hari ini disebabkan oleh keunikan serta perincian yang terdapat pada pelbagai rekaan bentuk bagi sulaman menggunakan motif yang berlainan. Selain itu, ia juga mengandungi ciri-ciri yang unik dan bergaya mengikut kesesuaian peredaran zaman sehingga ke hari ini. Di samping itu, selain mendapat perhatian yang tinggi bagi golongan yang masih muda ia juga turut digaya oleh golongan yang berumur kerana sulaman tersebut sangat menarik dan sesuai untuk digayakan dimana sahaja sehingga menjadi pakaian harian bagi mereka.

Seterusnya, baju kebaya nyonya mempunyai motif ataupun corak rekaan yang tersendiri seperti corak flora dan fauna dimana ia sesuai dipadankan dengan kebaya nyonya yang dipotong pendek sehingga ke paras punggung. Selain itu, bagi sepasang kebaya nyonya tidak akan lengkap jika tidak mempunyai corak kerawang pada baju tersebut. Hal ini demikian kerana kerawang itu sendiri akan menaikkan lagi kecantikan bagi baju kebaya nyonya tersebut. Terdapat pelbagai jenis kerawang yang terdapat di pasaran sehingga ke hari ini seperti kerawang labah-labah, kearwang tangga serta kerawang yang berbentuk bulat. Disamping itu, bagi melengkapkan lagi pemakaian bagi baju kebaya nyonya, kaum mereka akan memakai bersama dengan kain batik sarung, , kasut bermanik, kerongsang, dan beg bersulam manik yang akan membuatkan mana-mana gadis yang memakainya akan nampak lebih anggun dan bergaya serta pastinya dapat mencuri perhatian bagi sesiapa pun yang memandang. Inilah ciri-ciri baju kebaya traditional bagi kaum Baba dan Nyonya di negeri Melaka yang masih utuh dan tidak luput ditelan dek zaman.

Selain itu, kebanyakan mereka yang berpakaian kebaya dan batik sarung yang diwarisi oleh nenek moyang mereka. Seterusnya, bagi rekaan kasut manik pula ia juga menampakkan motif bunga Eropah serta warnanya yang dipengaruhi oleh tembikar peranakan dan batik sarung. Di samping itu, sejak 1930-an, kasut manik menjalani perubahan dengan diberi rekaan moden dan ditambah tumit. Walaubagaimanapun semua keserian pada pada

pakaian mereka adalah hasil sulaman tangan mereka sendiri khasnya pada baju kebaya yang amat halus buatannya.

### **Sejarah dan asal-usul kebaya nyonya**

Bagi sejarah dan asal usul kebaya nyonya sebenarnya bermula pada era zaman kegemilangan ataupun kebangkitan kerajaan Melayu Melaka dimana ia juga merupakan zaman kebangkitan bagi kaum peranakan kaum Cina. Hal ini juga terjadi kerana sekumpulan masyarakat cina yang berdagang di Melaka telah membawa pengaruh mereka kedalam budaya masyarakat Melayu dan seterusnya menjadi sebahagian daripada gaya hidup mereka. Dengan melalui budaya inilah terhasilnya kebaya dan seterusnya dinamakan sebagai kebaya nyonya yang merujuk kepada masayarakat peranakan cina itu sendiri.

Setelah itu, di Melaka juga merupakan tempat kediaman bagi masyarakat mereka dimana para pedaganag cina telah berusaha untuk membina penempatan dan seterusnya mengecapi kemakmuran hidup. Di samping itu, kaum wanita bagi masyarakat baba dan nyonya dikenali sebagai Nyonya manakala kaum lelaki masyarakat ini digelar Baba. Selain itu, dari sudut pandangan seterusnya ialah kaum peranakan cina ini juga dilihat melalui cara pembuatan barang tembikar, melalui perhiasan dalam rumah yang indah, melalui perkakasan barang perak, barang kemas serta jenis-jenis sulaman itu sendiri. Seterusnya, mereka juga mahir dalam membuat jahitan manik seperti yang terdapat pada sarung bantal, hiasan dinding dan juga kebaya yang digayakan oleh kaum Nyonya. Selain itu, mereka juga telah diasuh untuk menjadi isteri seorang Baba yang dihormati oleh golongan tua.

Selain itu, perkara yang paling penting bagi masyarakat kaum peranakan cina ialah mereka akan mementingkan pakaian dan penampilan agar menjadi lebih menarik dan sedap mata memandang. Hal ini dapat dibuktikan apabila Nyonya yang hendak dikenalkan dengan bakal suami ataupun mertua mereka akan memilih dan memakai pakaian yang dapat menonjol diri mereka supaya pemapilan mereka akan nampak lebih baik. Selepas Nyonya berkahwin, mereka akan menjadi suri rumah yang mempunyai peraturan dan pantang larang yang tersendiri. Malahan, bagi tata

tertib serta gaya hidup sebagai Nyonya turut dapat dilihat melalui keanggunan dan kehalusan sulaman kebaya yang dijahit oleh wanita bagi menyerlahkan lagi aura mempersona sebagai seorang Nyonya. Hal ini menunjukkan, kebaya Nyonya telah mencerminkan budaya Baba dan Nyonya serta juga kebaya ini juga cantik dipadankan oleh kaum mereka.

### Cara pembuatan kebaya nyonya

Baju kebaya nyonya juga mempunyai cara-cara pembuatan yang tersendiri. Antaranya ialah, dengan menggunakan fabrik yang sesuai dan berkualiti tinggi bagi memperolehi hasil yang sangat memuaskan. Oleh itu, antara fabrik ataupun jenis kain yang digunakan ialah dinamakan kain kasa rubia. Kain kasa rubia ini merupakan kain tenunan yang kosong, ringan, jarang dan ia juga direka khas menggunakan benang pintal yang halus. Selain itu, jenis benang yang digunakan untuk menjahit kain jenis fabrik tersebut biasanya dengan menggunakan benang sulaman mesin yang diperbuat daripada kapas, polister ataupun sutera. Di samping itu, mengikut sejarah juga, benang dan fabrik yang digunakan mestilah dari bahan dan jenis yang bermutu tinggi serta di import dari Eropah dan sesuai dengan status penggayaan Nyonya. Bukan sahaja dari negara Eropah malah dari Jepun, Korea serta China.

Menurut Haji Sherman (2018), untuk membuat kebaya adalah bermula dengan langkah pertama iaitu beliau perlu mengambil ukuran badan si pemakai itu sendiri terlebih dahulu bagi mendapatkan ukuran yang padan dengan si pemakai. Seterusnya, lakaran juga perlulah mengikut ukuran badan yang dilakar pada fabrik dan terbahagi kepada lima bahagian yang paling utama untuk dipotong. Antara dua bahagian tersebut ialah dua untuk lengan, dua untuk panel depan dan satu untuk panel belakang.

Seterusnya, dengan membahagikan dua potongan panel di bahagian hadapan biasanya akan dipotong terus menjadi dua bahagian untuk memberi ruang di bahagian dada seterusnya dapat menyerlahkan lagi potongan tirus bagi baju kebaya tersebut. Selain itu, baki kain yang diperolehi daripada kain yang lebar tadi akan ditinggalkan pada bahagian-bahagian akan akan disulam nanti. Seterusnya, daripada potongan kain tersebut akan

disambungkan dengan jahitan yang dinamakan sebagai jahitan ketuk lubang dimana ia merupakan jahitan yang agak unik iaitu dengan menebuk kain pada jarak yang sama. Di samping itu, melalui jahitan ini juga akan menjadikan kebaya nyonya lebih menarik kerana melalui jahitan ketuk lubang ini menggunakan kualiti yang bermutu tinggi dimana ia dilakukan dengan begitu sempurna sekali dan akan melakukan pemeriksaan yang rapi bagi memperlihatkan ketelitian dan kehalusan yang terdapat pada lubang-lubang itu sendiri.

Seterusnya, sulaman pada kebaya kebiasaannya akan menggabungkan corak yang berbentuk bunga, geometri ataupun lakaran yang menggunakan jahitan zigzag, jahitan satin, jahitan tebuk lubang dan jahitan lubang butang. Hal ini sudah pasti akan menjadikan teknik ini memerlukan tusukan jarum yang berulang kali pada kain kasa tersebut. Selain itu, kadang-kala melalui jahitan biasa seperti lurus akan membentuk motif utama bagi menyerlahkan lagi garis-garis untuk membentuk sulaman tersebut. Hal ini juga dapat memberikan gambaran itu menjadi seakan realiti. Manakala, benang yang digunakan mestilah mempunyai warna yang sama dengan tahap kecerahan dan kegelapan yang berlainan mestilah turut digunakan.

Selain itu, jahitan zigzag dan jahitan lubang butang digunakan untuk corak seperti sarang labah-labah yang terdapat pada kain dan ia menyediakan rangka bagi corak kerawang menjadi sedikit sukar. Sulaman richelieu juga dikenali sebagai sulaman kerawang yang terdapat di celah fabrik kain dan akan menambahkan lagi kecantikan, keanggunan kebaya tersebut kerana terdapat lubang-lubang yang menghiasi potongan tersebut.

Tambahan pula, terdapat peraturan bagi kaum Nyonya dimana mereka akan memakai sulaman yang mempunyai biku di tepi dan bercorak kosong apabila menguruskan kerja-kerja yang berkaitan dengan hal-hal rumah, agar kebaya yang lebih cantik dan menarik tersebut tidak dicemari. Kebaya basahan ini lazimnya diperbuat daripada kain kasa yang bercorak petak-petak, bintik-bintik atau jalur, yang selesa dan menarik dipakai dalam kehidupan seharian mereka.

**Kebaya nyonya terbahagi kepada dua**

Menurut Rahana dan Rabiatul Adawiyah (2007), kebaya Nyonya juga terbahagi kepada dua iaitu kebaya berkabung dan kebaya perayaan.

**Kebaya berkabung**

Kebaya berkabung merupakan kebaya yang akan dipakai oleh kaum Nyonya apabila mereka ingin menghadiri sesuatu majlis kematian. Ini merupakan salah satu adat yang mereka amalkan sehingga ke hari ini. Selain itu, antara warna yang terdapat pada baju kebaya nyonya untuk kebaya berkabung ini ialah daripda kombinasi dwiwarna iaitu mereka akan memakai kesemua hitam, hijau, biru, putih ataupun boleh digabungkan dengan dua warna iaitu hijau dan putih serta biru dan putih sebagai tanda mereka menghormati majlis kematian tersebut. Di samping itu, bagi kaum mereka juga meganggap bahawa istiadat pengkebumian sebagai majlis keramaian. Di sini, baju berkabung juga mempunyai bentuk ataupun corak kerawang yang menarik bagi menyerlahkan baju tersebut.

**Kebaya perayaan**

Nyonya juga mempunyai perayaan yang tersendiri contohnya mereka akan menyambut hari jadi yang ke enam puluh. Oleh itu, kebaya perayaan ini akan dipakai semasa hari jadi tersebut. Hal ini kerana mereka mengaggap bahawa hari jadi yang ke enam puluh merupakan tanda kejayaan yang besar dalam hidup seseorang dan Nyonya yang diraikan akan memakai baju panjang dengan batik sarung yang dilengkapi aksesori beradun. Oleh yang demikian, bagi para tetamu yang meghadiri majlis tersebut juga mempunyai kebaya peryaan yang tersendiri dimana bagi tetamu yang lebih muda akan memakai kebaya yang berwarna lebih terang dan dipadankan dengan barang kemas. Manakala, Nyonya yang lebih berumur akan memakai kebaya perayaan yang berwarna lebih lembut.

**Pelengkap kebaya**

Seterusnya, menurut Rahana dan Rabiatul Adawiyah (2007), kebaya juga mempunyai pelengkap atau aksesori yang dipadangkan dengan kebaya

nyonya. Pelengkap kebaya nyonya terbahagi kepada enam iaitu, batik sarung, kasut bersulam dan bermanik, barang kemas peranakan, kerongsang, tali pinggang perak dan cucuk sanggul.

### Batik Sarung

Menurut Rahana dan Rabiatul Adawiyah (2007), batik sarung merupakan kain yang akan dipadangkan dengan baju kebaya nyonya dimana ia akan menyerlahkan lagi pemakaian baju tersebut. Selain itu, batik sarung juga mempunyai corak yang pelbagai jenis dan seterusnya bergantung kepada asal usulnya ataupun batik Pekalongan. Di samping itu, kain batik sarung ini juga akan menjadi lebih menarik kerana mempunyai corak dan motif dalam bentuk pelbagai warna yang agak terang seterusnya dapat menyerlahkan lagi gaya si pemakai. Batik sarung ini boleh digayakan dengan pelbagai jenis corak dan warna yang terdapat pada kebaya tersebut asalkan bersesuaian dengan warna pada baju tersebut. Gambar rajah 1 adalah contoh batik sarung.



Gambar rajah 1: Batik sarung

### Kasut bersulam dan bermanik

Bagi pelengkap kebaya nyonya juga mestilah dengan memakai kasut yang cantik agar si pemakai nampak lebih anggun dan tertarik. Oleh itu, Nyonya akan memakai kasut bermanik ataupun bersulam bagi menyerlahkan lagi gaya bagi kaum tersebut. Untuk membuat kasut bersulam juga mempunyai teknik menyulam yang tersendiri. Selain itu, kasut yang bermanik juga akan diberikan kepada perawan Nyonya sebagai persediaan bagi majlis

perkahwinan. Seterusnya, selain daripada kasut, mengikut peredaran zaman pada era kini juga terdapat fesyen kasut ataupun selipar bilik mandi dikenali sebagai kasut leret. Nyonya pada masa kini juga akan memakai selipar yang sesuai untuk digayakan dengan baju kebaya dan tapak selipar yang digunakan tidak melebihi dua inchi. Gambar rajah 2 adalah contoh kasut bersulam dan bermanik.



**Gambar rajah 2: Kasut bersulam dan bermanik**

### **Barang kemas peranakan**

Barang kemas juga merupakan antara perhiasan yang akan dipakai oleh kaum peranakan cina bagi menaikkan lagi kecantikan bagi nyonya wanita tersebut. Selain itu, biasanya barang kemas peranakan akan diperbuat daripada emas dan perak yang bertatahkan intan berlian, mutiara dan jed yang menggabungkan pengaruh Cina, Melayu dan Indo Eropah. Selain itu, ia juga merangkumi rantai leher, rantai tangan, anting-anting ,cincin dan rantai kaki. Dengan memakai barang kemas tersebut akan mencantikkan lagi gaya bagi si pemakai. Kaun nyonya juga tidak memerlukan barang kemas yang berlebihan, mereka akan memakai hanya sekadar menghiasi diri sahaja.

### **Kerongsang**

Nyonya akan memakai set tiga keping kerongsang yang digunakan untuk mengancing bahagian hadapan kebaya panjang. Ia juga dikenali sebagai kerongsang serong. Saiz lebih besar dan menonjol berbentuk hati dinamakan kerongsang ibu dan dua yang lebih kecil berbentuk bulat dikenali kerongsang anak. Gambar rajah 3 di bawah adalah contoh kerongsang.



Gambar rajah 3: Kerongsang

### Tali pinggang perak

Tali pinggang perak turut digunakan oleh mereka bagi mengikat kain batik sarung agar menjadi lebih kemas. Tidak semua kan memakai tali pinggang ini kerana ia bukan salah satu benda yang wajid untuk dipakai. Selain itu, masyarakat cina peranakan itu sendiri tidak menetapkan hanya tali pinggang perak sahaja yang dibenarkan untuk dipakai. Ia juga boleh digayakan dengan mana-mana tali pinggang mengikut kessuaian dan keselesaan pengguna itu sendiri. Mereka akan memakai tali pinggang bagi memperkemaskan lagi kain yang dipakai tersebut agar tidak mudah longgar dahn jatuh. Seterusnya, untuk kepala tali pinggang perak itu dinamakan sebagai pending dan nyonya yang memakai pending itu dihiasi corak ukiran awan yang seakan timbul.

### Cucuk sanggul

Bagi kaum nyonya, mereka gemar membuat rambut yang berbentuk siput di atas kepala dan akan diperkemaskan dengan menggunakan cucuk ssanggul. Bagi mereka dengan membuat rambut seperti itu akan nampak lebih kemas dan menarik. Oleh itu cucuk sanggil ataupun pin rambut itu berbentuk seperti penggorek telinga gergasi yang lazimnya diperbuat daripada emas untuk menahan simpulan. Terdapat tiga hingga enam batang pin berbeza dari segi ukuran, ukiran halus dan bertatah intan manakala untuk yang bertatah mutiara akan dibuat khas untuk upacara perkabungan.



**Gambar rajah 4: Cucuk sanggul**

### **Kebaya nyonya kekal unik**

Menurut Nur Farisha Faiz (2009), potongannya yang singkat yang dihiasi dengan pelbagai corak seperti corak bunga kerawang dapat menyerlahkan lagi keunikan pakaian tradisi baju kebaya Nyonya apatah lagi jika dipakai oleh si gadis muda. Selain itu, kebaya Nyonya yang dipakai oleh kaum Baba dan Nyonya sebagai baju harian mereka juga asalnya berasal daripada baju cheongsam labuh kaum Cina dipotong pendek sehingga paras punggung. Hal ini kerana, potongan pendek kelihatan lebih cantik dan menarik apabila dipakai dengan kain batik sarung.

Tambahan pula, kain batik sarung, kerongsang, beg manik dan kasut akan membuatkan mana-mana gadis yang memakainya nampak lebih anggun dan pastinya semakin mencuri perhatian bagi sesiapa yang memandang kerana lebih menarik dengan adanya ciri-ciri traditional iaitu sulaman yang terdapat pada baju kebaya yang dipakai oleh kaum Baba dan Nyonya sehingga ke hari ini.

### **Perbezaan sulaman kebaya nyonya**

Menurut Haji Sherman Sahar (2018), Kebaya nyonya juga mempunyai perbezaan dari segi sulaman seperti sulaman biasa, sulaman tebal, sulaman eksklusif, sulaman kerawang. Gambar rajah 5 menunjukkan perbezaan sulaman kebaya nyonya.



**Gambar rajah 5: Perbezaan sulaman kebaya nyonya**

#### **Sulaman Biasa, Sulaman Tebal, Sulaman Eksklusif, Sulaman Kerawang**

Menurut Haji Sherman Sahar (2018), proses untuk membuat sulaman biasanya tidak mengambil masa yang lama kerana biasanya untuk sulaman biasa akan mempunyai corak sulaman yang bermotifkan gunga dan corak yang biasa sahaja yang tidak terlalu rumit. Di samping itu, sulaman biasa ini juga menggunakan benang yang tidak berapa mahal dan senang didapati. Untuk menjahit dan menyiapkan kebaya yang mempunyai sulaman biasa ini biasanya akan memakan tempoh masa lebih kurang dalam tiga sehingga empat hari sahaja kerana proses pembuatan lebih mudah. Oleh itu, harganya juga agak murah disebabkan kos untuk menyiapkannya tidak terlalu tinggi.

Selain itu, untuk sulaman tebal pula mempunyai corak sulaman yang lebih banyak dan lebih cantik kerana perincian motifnya lebih tebal dan banyak. Seterusnya, dari segi penggunaan benang pula lebih mahal sedikit berbanding biasa disebabkan ianya jenis benang yang berkilat. Kuantiti benang yang digunakan juga lebih banyak daripada sulaman jenis yang biasa. Selain itu, masa yang diambil untuk menyiapkan sehelai baju akan menjadi lebih lama iaitu antara lima sehingga sepuluh hari bergantung kepada corak sulaman kebaya. Jadi harganya lebih tinggi sedikit daripada sulaman biasa.

Manakala bagi sulam ekslusif pula, corak sulamannya lebih banyak, lebih cantik dipandang, sulaman lebih halus dan lebih kemas. Masa yang diambil

untuk menyiapkan sehelai kebaya ekslusif mengambil masa lebih kurang dalam dua minggu hingga satu bulan. Di Melaka, harga sehelai kebaya boleh mencecah sehingga RM3,000.

Di samping itu, Haji Sherman juga menjelaskan tentang Kerawang Ikat dan Kerawang Manila yang biasanya banyak temui di pasaran. Kerawang Manila ini banyak digunakan untuk bahan busana. Proses pembuatan dengan teknik mengisi benang sulam secara berulang-ulang sebanyak lima kali sesuai dengan motif yang telah dibuat terlebih dahulu. Secara teknik pembuatan, Kerawang Manila lebih mudah pembuatannya daripada Kerawang Ikat.

### **Proses sulaman kerawang**

Seterusnya, Haji Sherman Sahar (2018) juga menerangkan tentang sulaman kerawang yang mempunyai proses-proses yang tersendiri dimana ia melibatkan proses iris cabut, proses menyulam sebelum ke proses penyelesaian akhir.

Haji Sherman Sahar (2018), menjelaskan dengan lebih terperinci bagi proses iris cabut dimana di dalam proses iris-cabut benang ini, batas dan luas bidang yang akan dibentuk berdasarkan pola yang akan dicontoh. Ketajaman dan kecermatan menghitung benang-benang yang akan diiris dan dicabut sangat menentukan hasil serta kehalusan pembuatan selanjutnya. Bidang pencabutan dan pengirisan yang rapi dan teratur akan memperoleh hasil sulaman yang rapi dan halus.

Di samping itu, bagi proses menyulam pula perlu membuat kerawang pada dasarnya menelusurkan benang warna-warni biasanya menggunakan benang jenis DMC yang dilakukan mengikuti arah jalur benang lungsin. Jarum dan benang keluar masuk mengikuti lubang-lubang rawangan menganyam, berpedoman seperti halnya corak anyaman polos.

Bagi penyelesaian akhir pula perlu menitik beratkan dari segi pembuatan sulaman kerawang adalah dalam bentuk merawang. Sisa bidang irisan yang tidak diisi oleh corak gambar sulaman, baik ikat maupun tisik harus di isi

dengan merawang, agar bentuk gambar yang telah diterapkan lebih sempurna penampilannya yakni dengan cara melilit jalur-jalur benang konstruksi dengan satu kali lilitan. Pengikatan ini bertujuan untuk memperkuat jalur benang yang tidak tersulam, memperindah bentuk motif kerawang dan hasil akhir sulaman kerawang dapat terlihat lebih rapi dan kukuh.

### **Jenis-jenis sulaman**

Menurut Haji Sherman (2018), terdapat tiga jenis sulaman pada kebaya Nyonya. Antaranya ialah sulaman goyang asli, sulaman tangan, sulaman elektrik juga dikenali sulaman komputer.

### **Sulaman goyang asli**

Sulaman goyang asli adalah sulaman yang menggunakan mesin. Masa yang diambil untuk menyiapkan sulaman ini mengambil masa antara 7 bulan hingga setahun. Masa yang diambil untuk menyiapkannya adalah bergantung pada jenis motif yang dibuat. Jika susah untuk membuat sulaman tersebut, masa yang di ambil agak lama. Untuk membezakan sulaman goyang asli dengan sulaman tangan, sulaman goyang asli mempunyai keaslian corak depan dan belakang yang sama. Menurut Haji Sherman (2018), keaslian sulaman goyang asli hanya boleh dilihat dengan mata kasar. Kebanyakkhan sulaman goyang asli ini hanya akan dibuat apabila mendapat tempahan sahaja kerana harganya yang agak mahal.

### **Sulaman tangan**

Sulaman tangan adalah sulaman yang di buat dengan tangan. Masa yang diambil untuk menyiapkan sulaman tangan ini mengambil masa antara 4 bulan hingga 7 bulan juga bergantung kepada kerajinan si penyulam. Masa yang diambil untuk menyiapkannya adalah bergantung pada jenis motif yang dibuat. Jika susah untuk membuat sulaman tersebut, masa yang di ambil agak lama. Corak sulaman tangan hanya pada luaran baju sahaja.

### **Sulaman elektrik juga dikenali sulaman komputer**

Haji Sherman (2018), berkata lagi, sulaman elektrik juga dikenali sulaman komputer ini banyak ditempah oleh pelanggan kerana harganya

yang lebih murah jika dibandingkan dengan sulaman goyang asli dan sulaman tangan. Tetapi Sherman tidak pernah menjual sulaman elektrik ini kerana ketahanan corak sulaman tersebut tidak tahan lama kerana kebanyakannya hanya bertahan sehingga 3 tahun sahaja.

### Jenis-jenis motif pada sulaman

Pada tahun 2018, Haji Sherman menyatakan bahaya motif pada sulaman kebaya Nyonya dahulunya sewaktu mula-mula timbul hanya motif bunga sahaja. Contohnya seperti bunga ros, bunga matahari, bunga tulip dan pelbagai jenis bunga lagi. Beliau merupakan seorang pakar yang pandai menjahit sulaman baju kebaya Nyonya. Beliau berkata pada 20 tahun yang lepas beliau telah mengeluarkan motif yang baru dan mendapat sambutan yang tinggi dari penggemar kebaya Nyonya. Antara motif ciptaan Haji Sherman ialah ikan emas, naga, rama-rama, flora dan fauna, hidupan laut dan beliau juga mengambil ilham untuk membuat motif dari persekitaran. Motif terkini yang di sulam beliau adalah motif gadis memegang sebuah gitar dan beliau mendapat ilham untuk membuat motif tersebut adalah apabila beliau pulang bercuti dari Vietnam pada awal tahun 2018.



Gambar rajah 6: Jenis motif bercorak bunga



Gambar rajah 7: Jenis motif bercorak fauna

### Penutup

Kebaya Nyonya bukan sekadar menjadi warisan generasi Malaysia hari ini, malah juga menjadi ikutan kepada penggemar fesyen tanah air. Hal ini dapat dibuktikan melalui aktiviti peragaan sulaman kebaya Nyonya. Seterusnya, dapat menarik minat golongan remaja untuk mengenali, memahami keunikan sulaman kebaya Nyonya dan dapat menjaga warisan turun-temurun serta mengekalkan keunikan seni budaya kaum Nyonya. Harapan seterusnya agar sulaman kebaya Nyonya ini dipelihara supaya ia tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas.

### Rujukan

(2011, May 03). *IKS-Kebaya Nyonya Melaka*. Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=tDOlfL0mgw8>

Corak Sulam Kerawang Ayak Mesin (2018). *Butik Sulaman Sri Classic©*. (n.d.). Retrieved from <https://sri2u.com/portfolio/>

Haji Sherman Haji Sahar. (2018, October 14 ). Temubual

Haji Sherman Haji Sahar. (2018, November 19 ). Temubual

Nur Anis Zainudin & Nur Wahida Hawani Hussain. (2018). *Keunikkan dan Keistimewaan, Sulaman Kebaya Nyonya*. UiTM Puncak Perdana, Malaysia.

Peranakan Life Malaysia. (2011-2018). *Peranakan Life*. Retrieve from <http://www.peranakanlife.com/baba-nyonya-culture/clothings-attire/nyonya-kebaya>

Perbezaan Sulaman Kebaya. (2016, December 02). Retrieved from <http://izzlegacy.com/kebaya-sulam-tangan/perbezaan-sulaman-kebaya>

Nur Farisha Faiz (2009). *Kebaya Nyonya Kekal Unik*. Retrieve from <http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y> .

Rahana dan Rabiatul Adawiyah (2007). *Kebaya Nyonya cerminan budaya peranakan Cina*. Retrieve from <http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0411&sec>.